

LATIHAN TATABAHASA PT3

Set
4

BAHAGIAN A

[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Puan Debby membelikan sekilo tauge di pasar raya yang berhampiran.

(ii) Dillah bersarapan pagi pada setiap hari sebelum pergi ke sekolah.

(iii) Isma membeli ibunya sehelai baju sutera yang mahal harganya.

(iv) Adik-beradik yang masih kecil itu menjadi yatim setelah ibu bapa mereka maut dalam kejadian banjir baru-baru ini.

[8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Wakil persidangan antara bangsa itu sedang berbincang tentang masalah penderaan kanak-kanak.

(ii) Senarai harga alatulis itu ditampal pada papan kenyataan koperasi sekolah.

(iii) Majlis gilang-gemilang itu diresmikan oleh Wakil Rakyat Zon Selatan.

[3 markah]

4. Isi tempat kosong di bawah dengan peribahasa yang sesuai.

- (i) Pasukan Johor Darul Takzim telah berjaya menjuarai perlawanan bola sepak itu dengan satu jaringan mengatasi pihak lawan pada saat-saat terakhir perlawanan. Kejayaan mereka itu samalah seperti _____.
- (ii) Mangsa kemalangan jalan raya itu dalam keadaan _____ ketika pihak ambulans tiba di tempat kejadian.

[4 markah]